PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI ISNIN : 10 NOVEMBER 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.6, NO. 10 HINGGA 47)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

NO. SOALAN: 6

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7341

SOALAN:

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan untuk mengatasi masalah pemerdagangan manusia yang melibatkan wanita dan kanak-kanak yang semakin berleluasa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dikuatkuasakan pada 28 Februari 2008 sehingga 30 September 2014, mangsa-mangsa pemerdagangan orang yang telah diselamatkan berjumlah 1892 merangkumi mangsa lelaki, wanita dan kanak-kanak. Merujuk kepada jumlah mangsa pemerdagangan wanita, adalah didapati terdapatnya penurunan di mana jumlah yang diselamatkan sehingga 30 September 2014 adalah seramai 195 orang berbanding dengan jumlah seramai 301 untuk tahun 2013. Penurunan juga dapat dilihat jika dibandingkan dengan tahun sebelum itu (2012) di mana jumlah mangsa pemerdagangan wanita adalah seramai 409.

Mengenai mangsa pemerdagangan kanak-kanak pula, saya ingin maklumkan di sini bahawa jumlah yang diperdagangkan adalah seramai 14 orang setakat 30 September 2014 berbanding dengan 25 orang bagi tahun 2013. Penurunan juga dapat dilihat berbanding dengan tahun sebelum ini (2011) iaitu seramai 39 orang.

Kerajaan telah mengambil langkah secara serius sejak tahun 2007 untuk menangani jenayah ini menerusi penggubalan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

(ATIPSOM) 2007. Akta ini telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008 dan turut disokong oleh Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang untuk tempoh lima (5) tahun mulai 2010 hingga 2015. Akta ini dan Pelan Tindakan Kebangsaan merangkumi elemen-elemen penting dalam menangani jenayah pemerdagangan orang iaitu pencegahan, pendakwaan, perlindungan dan perkongsian strategik.

Akta tersebut juga telah memperuntukkan penubuhan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) termasuk penubuhan lima (5) buah jawatankuasa berkaitan dengan Perundangan, Penguatkuasaan, Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Media dan Publisiti serta Pemerdagangan Buruh.

Akta ini telah dipinda pada tahun 2010 bagi memperluaskan definisi pemerdagangan orang untuk turut merangkumi aspek eksploitasi buruh. Pindaan turut melibatkan peningkatan jumlah penalti sehingga RM 1 juta bagi keuntungan yang diperolehi daripada jenayah ini.

Sebagai langkah seterusnya untuk tujuan penambahbaikan kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu ini, langkah-langkah seperti berikut telah dan akan dilaksanakan iaitu:-

(i) penubuhan High Level Committee (HLC) yang dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Dalam Negeri dan

melibatkan Menteri-Menteri di mana Kementerian mereka adalah merupakan anggota kepada MAPO;

(ii) pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 dalam mempertingkatkan aspek perlindungan mangsa;

(iii) pengukuhan Sekretariat MAPO bagi tujuan penyelarasan dan koordinasi program / aktiviti yang dilaksanakan oleh lima (5) Jawatankuasa di bawah MAPO secara lebih efektif dan terancang; dan

(iv) penyediaan dana tahunan bagi MAPO.

Usaha penambahbaikan ini adalah bagi mempertingkatkan imej dan kredibiliti negara dalam menangani isu ini. Malahan, ianya juga adalah bagi memenuhi obligasi dan komitmen Negara sebagai anggota kepada Protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pemerdagangan Orang di bawah Konvensyen PBB mengenai Jenayah Terancang (UNTOC). Malaysia telah menganggotai Protokol ini sejak 26 Februari 2009.

Malaysia juga bekerjasama dengan negara rakan strategik termasuk organisasi antarabangsa seperti Organisasi Antarabangsa mengenai Migrasi (IOM) bagi menyelesaikan

jenayah ini secara kolektif menerusi pertukaran data dan maklumat termasuk bina upaya.

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU]

TARIKH : 10.11.2014

SOALAN :

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina di kawasan Kota Kinabalu yang disokong oleh beberapa pemimpin kerajaan negeri. Permintaan untuk penambahan tersebut bukan sahaja datang daripada ibu bapa berbangsa Cina tetapi juga daripada bangsa lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan perpindahan SJK(C) Chi Hwa Weston, Beaufort ke Kolombong, Kota Kinabalu untuk menangani isu kepadatan enrolmen di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu. Namun murid di SJK(C) Che Hwa Kolombong Kota Kinabalu pada tahun 2014 ini hanya 85 orang dan hanya 2 kelas diisi, sedangkan sekolah tersebut mempunyai 12 bilik darjah yang boleh menampung 500 orang pelajar.

Ingin ditegaskan bahawa pada dasarnya segala perancangan pembinaan sekolah baharu adalah memberi keutamaan kepada

pembinaan sekolah yang dapat memenuhi keperluan semua masyarakat pelbagai kaum iaitu sekolah aliran kebangsaan. KPM berkeyakinan bahawa sekolah aliran kebangsaan merupakan wadah untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum.

RJM101

NO. SOALAN: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7194

SOALAN :

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebabnya sesetengah pasukan RELA di kawasan Parlimen Tebrau masih belum dibekalkan *uniform* baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, *uniform* baru RELA ialah Pakaian Operasi Digital (POD). Memandangkan jumlah anggota RELA yang ramai iaitu 2.94 juta, Kerajaan telah memutuskan pembiayaan POD ini dibiayai daripada sumbangan Ahli-Ahli Parlimen yang mana sepasang berharga RM100 (baju dan seluar sahaja) secara berperingkat. Sumbangan yang disarankan adalah sebanyak RM50,000 setahun bagi setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional. Setakat ini kurang daripada 34.5 peratus (%) yang bersedia dan mengesahkan persetujuan mereka untuk menyalurkan sumbangan. Pada tahun ini Kerajaan negeri Sarawak turut menyalurkan sumbangan sebanyak RM250,000 bagi pembiayaan POD anggota RELA Sarawak. Keutamaan pembekalan POD peringkat awal ini ialah kepada pegawai tetap, anggota bertugas harian dan anggota *Crisis Management Team* (CMT) RELA. Kementerian sedang berusaha supaya lebih banyak anggota RELA yang aktif dapat dibekalkan dengan POD secara berperingkat termasuk anggota-anggota RELA di Tebrau

Saya juga mengucapkan terima kasih atas persetujuan Ahli Yang Berhormat Tebrau kerana bersedia menyumbangkan RM50 ribu untuk pembiayaan POD bagi anggota-anggota RELA Tebrau

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR
KAWASAN	:	LEMBAH PANTAI
TARIKH	:	10.11.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN	:	~~11~~ 12

YB PUAN NURUL IZZAH BIN ANWAR (LEMBAH PANTAI) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:-

a. Apakah pendirian rasmi kerajaan Malaysia berkenaan hubungan perdagangan Malaysia dengan Israel; dan

b. Senarai syarikat-syarikat Malaysia yang mengeksport produk-produk kelapa sawit, getah, koko Malaysia ke Israel, serta jumlah nilai eksport produk-produk tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin dimaklumkan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan Israel dan tidak mempunyai hubungan ekonomi secara rasmi dengan Israel. Namun begitu, perdagangan antarabangsa lazimnya dikendali oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) melalui rangkaian bekalan antarabangsa (*international supply chain)* mereka.

Beberapa syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia terlibat dalam amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain)* dan Israel adalah sebahagian daripada rangkaian tersebut. Amalan perniagaan dan pelaburan antarabangsa ini adalah di luar kawalan Kerajaan.

Selain amalan rangkaian bekalan antarabangsa, aktiviti perdagangan lain juga berlaku untuk terus menyokong pembangunan ekonomi Palestin. Ini kerana, semua produk eksport Malaysia yang dikhususkan untuk pasaran ke Palestin dan Wilayah Gaza perlu melalui Pelabuhan Ashdod, Ilat dan Haifa di wilayah Israel memandangkan pelabuhan di Gaza masih dikepung oleh tentera laut Israel.

Urusan pentadbiran perdagangan seperti yang dijelaskan sebelum ini, memerlukan kelulusan lesen import dan eksport di mana barangan berasal dari, melalui atau ke Israel tertakluk kepada Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) 2012.

Soalan No : 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]

TARIKH : 10.11.2014

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tatacara pengawalan kepada kerahsiaan soalan UPSR akan ditambah baik atau menggunakan tatacara lama yang tidak bersesuaian di era teknologi moden sekarang berikutan baru-baru ini kertas peperiksaan UPSR telah bocor dan menyebabkan murid-murid darjah 6 terpaksa mengambil semula ujian UPSR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara yang terkandung dalam peraturan dan prosedur keselamatan (SOP) bagi penggubalan kertas soalan peperiksaan ialah penggubal soalan **WAJIB** menandatangani surat sumpah rahsia. Manakala kawasan penggubalan kertas soalan dijadikan kawasan terhad dan pegawai-pegawai yang tertentu sahaja yang boleh masuk dengan menggunakan kad magnet.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi memastikan integriti dan keselamatan kertas-kertas soalan peperiksanan awam, antaranya:

i. Penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian;

ii. Melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

iii. Mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin;

iv. Melengkapkan lagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan;

v. Memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang diambil dilaksanakan dengan berkesan.

RJM100

SOALAN NO: 14

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]**

TARIKH : **10 November 2014 (Isnin)**

SOALAN : **Datc' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

(a) setakat manakah tahap perlaksanaan skim menanam semula pokok buah-buahan dan penstrukturan semula dusun tradisional dijalankan; dan

(b) berapakah bajet yang diperuntukkan untuk pemilik dusun tradisional untuk menggalakkan mereka menanam baka-baka pokok buah-buahan yang mempunyai harga pasaran yang lebih tinggi.

JAWAPAN :

a) Sejak dilancarkan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bagi Program Bantuan Tanam Semula Pokok Buah-Buahan Terpilih Peringkat Kebangsaan pada 23 Mac 2014 di Ulu Dong, Raub, Pahang, seramai 7,338 peserta dengan keluasan 5,962

hektar telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, pengedaran benih tanaman, bahan input pertanian dan peralatan pertanian telah diberikan kepada 476 peserta dengan melibatkan 435.11 hektar kawasan dusun di seluruh negara.

b) Sebanyak RM22 juta telah diperuntukan untuk melaksanakan Program Bantuan Tanam Semula Pokok Buah-buahan Terpilih dalam tempoh 3 tahun.

SOALAN NO.: 15

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS**
KAWASAN	:	**SEPANGGAR**
TARIKH	:	**10 NOVEMBER 2014, ISNIN**

SOALAN:

YB. DATUK JUMAT BIN IDRIS (SEPANGGAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status cadangan pembinaan Jalan Pintas Rampaian dan jalan laluan pantai Tuaran-Kudat dan bilakah projek ini boleh dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina Jalan Rampaian Laut, Menggatal, Sabah telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 2.2km dengan rekabentuk piawaian JKR U5. Anggaran keseluruhan kos projek ialah sebanyak RM30 juta.

Manakala bagi projek membina Jalan Pesisiran Pantai Tuaran – Kudat pula, projek ini juga telah telah dipohon untuk kelulusan Agensi Pusat dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Kajian Kemungkinan projek berkenaan telah disiapkan pada bulan Februari 2014. Skop projek melibatkan pembinaan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 100km dengan rekabentuk piawaian JKR R5. Walau bagaimanapun, projek ini berkemungkinan akan dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos yang tinggi, iaitu dianggarkan sebanyak RM1.75 bilion.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN:16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah cara untuk memastikan bahawa agihan sama rata kemakmuran negara bila Malaysia transform menjadi negara berpendapatan tinggi pada 2020 sedangkan jurang pendapatan semakin melebar antara rakyat.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, Malaysia telah berjaya mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan rakyat secara keseluruhan. Ini ditunjukkan melalui pengurangan pekali Gini daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012.

Walaupun jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar tidak banyak berubah antara tahun 2009 hingga 2014, jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar pada tahun 2014 adalah lebih baik berbanding tahun-tahun sebelum daripada itu iaitu tahun-tahun 1980an dan 1990an. Bahagian pendapatan bagi isi rumah 40 peratus terendah juga meningkat daripada 14.3 peratus pada tahun 2009 kepada 14.8 peratus pada tahun 2012. Jurang pendapatan antara kaum yang semakin luas antara tahun 2009 ke 2014 tetapi lebih baik berbanding 1999. Dalam situasi di mana kebanyakan negara di dunia mengalami peningkatan dari segi ketaksamaan pendapatan, Malaysia terus menunjukkan kemajuan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan ketidakseimbangan dan jurang pendapatan negara. Oleh sebab itu, dalam merangka Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan akan memberi penumpuan kepada *people's economy* supaya apabila negara

mencapai taraf berpendapatan tinggi, rakyat akan dapat merasainya. Antara langkah yang telah diambil ialah:

i. merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;

ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;

iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;

iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;

v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan

vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Dalam RMKe-11 nanti, Kerajaan akan mengumumkan strategi-strategi bagi memastikan jurang pendapatan dapat terus dikurangkan.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 10.11.2014

SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kementerian bersedia untuk mengisikan subjek pengetahuan asas agama Islam sebagai subjek wajib diambil oleh pelajar Islam di Malaysia. Kefahaman yang lebih baik terhadap agama ini oleh pendidikan berbagai kaum akan memberi kesan positif kepada perpaduan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti sedia maklum, walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menjadikan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), namun mata pelajaran tersebut adalah **wajib dipelajari** oleh semua murid-murid Islam bagi Pendidikan Islam. Hal ini demikian kerana mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras dan wajib diambil oleh murid-murid dalam peperiksaan SPM. Tujuan utama KPM menjadikan mata pelajaran ini sebagai subjek teras adalah untuk melahirkan modal insan yang dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni melalui pendidikan (tarbiah), pengadaban (ta'adib) dan penghayatan nilai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memberi perhatian kepada usaha mengukuhkan kefahaman terhadap agama Islam dan yakin usaha tersebut turut memberi kesan positif kepada perpaduan negara. Bagi mencapai mencapai hasrat tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, melalui anjakan ketiga iaitu melahirkan rakyat yang menghayati nilai telah melaksanakan beberapa langkah penambahbaikan. Di antara langkah yang sedang dilaksanakan ialah seperti penambahbaikan kandungan kurikulum Pendidikan Islam dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), dan kaedah pentaksiran yang lebih holistik merangkumi aspek kognitif, psikomotor dan efektif serta memasukkan elemen-elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

RJM98

NO. SOALAN: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7342

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan maklum balas pihak Kementerian terhadap laporan yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat yang menyenaraikan Malaysia sebagai antara pusat penyeludupan manusia terburuk di dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengeluarkan Laporan Tahunan mengenai prestasi negara-negara dalam menangani isu pemerdagangan orang. Penilaian tersebut hanya menumpukan kepada aspek pemerdagangan orang dan bukan aspek penyeludupan migran atau penyeludupan manusia. Laporan JNAS tersebut dibuat terhadap 188 buah negara termasuk Malaysia dan merangkumi aspek pencegahan, pendakwaan dan perlindungan. Malaysia telah mula dinilai sejak tahun 2006.

Pemerdagangan orang dan penyeludupan migran adalah merupakan dua jenayah yang berbeza tetapi mempunyai kaitan kerana menyentuh mengenai aspek migrasi. Negara telah mempunyai perundangan khusus mengenai kedua jenayah ini iaitu Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. Pindaan kepada Akta ini pada tahun 2010 telah menjadikan kesalahan jenayah kepada aktiviti penyeludupan migran sebagai tambahan kepada aktiviti pemerdagangan orang.

Pemerdagangan orang adalah merupakan kesalahan hak asasi manusia kerana melibatkan elemen eksploitasi manakala penyeludupan migran adalah sejenis kesalahan imigresen. Pemerdagangan orang boleh berlaku di dalam negara dan

merentasi sempadan manakala penyeludupan migran hanya melibatkan aktiviti merentasi sempadan. Satu lagi aspek membezakan kedua jenayah ini ialah pemerdagangan orang melibatkan mangsa yang dieksploitasi sama ada eksploitasi seks atau buruh manakala aktiviti penyeludupan migran melibatkan kerelaan individu tersebut untuk diseludup ke negara luar.

Soalan No : 19

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]

TARIKH : 10.11.2014

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian akan memulakan pembinaan SK Tanjong baru untuk menggantikan sekolah yang sedia ada kerana kesan hakisan oleh Sungai Limbang yang semakin teruk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan projek gantian penuh SK Tanjong di Limbang, Sarawak telahpun diluluskan dalam *Rolling Plan* Ke-4 bagi pelaksanaan tahun 2014 dan kini dalam fasa pelantikan perunding.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LIM GUAN ENG** **[BAGAN]**
TARIKH	:	**10 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	**20**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan alasan kerajaan pusat bersedia membelanjakan RM2 bilion membina lapangan terbang di Sidam, Kedah tetapi pada masa sama tidak rela menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Adakah projek baru di Sidam akan menjadi projek gajah putih sebagaimana Lapangan Terbang Melaka bernilai RM250 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini Kerajaan adalah dalam proses melaksanakan satu kajian kemungkinan (*feasibility study*) bagi meneliti sama ada keperluan untuk sebuah lapangan terbang di antara Sidam, Kedah termasuk penaiktarafan lapangan terbang yang sedia ada iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Melalui hasil kajian tersebut, ia akan dapat menentukan *viability* keperluan lapangan terbang baru dan penaiktarafan lapangan terbang sedia ada supaya projek yang akan dilaksanakan itu akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

SOALAN (21)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014
[ISNIN]

DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]

SOALAN :-

Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan adakah dana Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia bagi menyelenggarakan dan membaik pulih rumah kos rendah akan diperluaskan kepada pemohon di seluruh negara khususnya di negeri Kedah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Pada **20 April 2012** Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan TP1M diperluaskan ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bagi penyelenggaraan perumahan kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta.

Bagi negeri Kedah, TP1M telah dilaksanakan pada tahun 2013 di Rumah Pangsa Kulim Square dan satu lagi sedang dilaksanakan di Rumah Pangsa Delima Jati, Taman Jati, Kulim.

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 10 November 2014 (Isnin)

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa janji beliau untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 masih belum terlaksana dan terdapat kenyataan bercanggah daripada ahli Kabinet yang lain.

JAWAPAN: <u>PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]**
TARIKH	:	**10 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

a) berapakah jumlah program "Doktor Bersama Rakyat" yang telah dianjurkan oleh Kementerian yang mengambil kira faktor kesusahan masyarakat setempat untuk ke klinik yang berhampiran; dan

b) adakah keperluan / kelengkapan yang diperlukan oleh seseorang doktor itu mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab terutamanya di kawasan klinik-klinik desa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada maklumat mengenai jumlah Program "Doktor Bersama Rakyat" yang dianjurkan kerana program ini dianjurkan oleh pihak NGO.

Perkhidmatan kesihatan yang diberi di negara ini merangkumi fasiliti kesihatan statik seperti hospital, klinik kesihatan dan klinik desa. Perkhidmatan kesihatan yang diberi di klinik kesihatan dan klinik desa adalah berbeza. Oleh itu, keperluan dan kelengkapan di sesebuah klinik kesihatan juga adalah berbeza mengikut skop perkhidmatan yang diberikan oleh fasiliti tersebut. Klinik desa adalah di bawah kendalian jururawat dan juga jururawat masyarakat. Walau bagaimanapun, klinik desa menerima perkhidmatan Pegawai Perubatan melalui lawatan klinik yang ditetapkan secara berkala. Bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, pihak KKM sentiasa memastikan keperluan dan kelengkapan yang diperlukan oleh seseorang doktor itu mencukupi untuk menjalankan tanggungjawab mereka di mana-mana fasiliti yang diperlukan.

Di samping jaringan klinik kesihatan yang meluas, sistem kesihatan di Malaysia juga mempunyai sistem rujukan yang baik di mana, sekiranya pesakit yang dirawat di klinik desa memerlukan sebarang rawatan lanjut, jururawat di klinik desa boleh merujuk pesakit tersebut untuk mendapat rawatan Pegawai Perubatan di klinik kesihatan atau hospital yang berhampiran.

NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7195

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) sehingga Ogos 2014 dalam pengetahuan Kementerian berapakah jumlah ahli Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang (PPS), Pasukan Peronda Sukarela Kedah yang didaftarkan; dan

(b) apakah perbezaan di antara Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang yang dikaitkan dengan DAP dengan Pasukan di Kedah yang dikaitkan dengan MCA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] telah memperuntukkan bahawa mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah di dalam Malaysia perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Dalam hal ini, kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan membolehkan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6(3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] diambil iaitu, "Sesiapa yang melakukan perlanggaran terhadap Seksyen 6(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika perlanggaran itu adalah suatu perlanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari perlanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama".

Selain itu, peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.

Justeru, mengenai status Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang, berdasarkan rekod Kementerian ini, didapati bahawa Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang tidak pernah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara-perkara berkaitan Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan oleh pihak polis dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang sedang berjalan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU - BN]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN (NO. 25)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kemajuan dan pencapaian terkini Parlimen Belia yang diwujudkan oleh Kementerian tidak lama dahulu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Parlimen Belia Malaysia telah selesai proses pengundian atas talian yang bermula pada 22 Oktober 2014 sehingga 31 Oktober 2014. Seramai 120 orang daripada 433 orang calon telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia. Mereka terdiri daripada 99 kaum Melayu, 2 kaum Cina, 3 kaum India dan 16 daripada pelbagai kaum.

2. Statistik mengikut jantina menunjukkan seramai 120 daripada 433 calon yang terdiri daripada 103 calon lelaki dan 17 calon wanita telah dipilih sebagai Ahli Parlimen Belia Malaysia. Ahli Parlimen Belia Malaysia akan mengikuti Pra Persidangan pada 30 November 2014 sehingga 4 Disember 2014 di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur.

   Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)
PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	10.11.2014

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kejayaan-kejayaan 1MDB semenjak ditubuhkan dan apakah kesan jangka masa panjang spesifik yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

1MDB menerajui projek jangka panjang untuk mengambil peluang ke atas

pelaburan dan kepakaran antarabangsa bagi melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang kini sedang dijalankan adalah seperti yang berikut:

1. Tun Razak Exchange

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan Pusat Kewangan Antarabangsa Tun Razak Exchange, contohnya dikenalpasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai Early Entry Point dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan perkapita menjelang 2020.

Projek yang dianggarkan bernilai RM26 billion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hub kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah bandaraya global.

Baru-baru ini TRX juga telah memilih syarikat hartanah dan infrastruktur antarabangsa Lend Lease sebagai rakan kongsi utama di dalam projek

pembangunannya untuk TRX 'Lifestyle Quarter'. Perjanjian yang ditandatangani 1MDB Real Estate Sdn Bhd (1MDB RE) dan Lend Lease ini dijangka menarik sehingga US$1 bilion (RM3.2 bilion) dalam bentuk pelaburan langsung asing ke Malaysia.

2. Pembangunan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur kepada Bandar Malaysia

Bandar Malaysia pula adalah satu projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah Lapangan Terbang Sungai Besi yang akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di bandar Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina Projek Perumahan Mampu Milik khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

3. Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB pada masa ini. Pembelian aset-aset tenaga Tanjong Energy Holdings, Genting Sanyen dan juga Jmah Energy Ventures Sdn Bhd baru-baru ini merupakan langkah bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi Kerajaan untuk membina jaminan

tenaga mampan dalam jangka panjang.

Konsortium 1MDB-Mitsui juga telah memenangi Projek 3B oleh Suruhanjaya Tenaga yang akan melibatkan pembinaan dan operasi 2000MW loji arang batu bersebelahan loji janakuasa Jmah di Negeri Sembilan.

1MDB kini merupakan pengeluar tenaga bebas (IPP) kedua terbesar di Malaysia dari segi kapasiti pengeluaran tenaga.

Tuan Yang di-Pertua,

Kesan jangka masa panjang spesifik yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia adalah mudah, iaitu memperolehi kesan berganda yang tinggi melalui potensi ekonomi yang ada pada aset-aset ini bagi menjana pertumbuhan ke arah sebuah ekonomi yang berkembang maju dan berdaya-saing.

SOALAN NO. 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk membina taska atau rumah asuhan kanak-kanak di semua jabatan Kerajaan sebagai satu kaedah untuk membantu mengurangkan kos sara hidup yang semakin meningkat pada waktu ini. Atau sebarang perancangan lain bagi mengurangkan kos asuhan anak-anak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi hasrat dan perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) supaya lebih banyak taman asuhan kanak-kanak (TASKA), khususnya di tempat kerja dibuka. Langkah ini penting memandangkan kos sara hidup semakin meningkat pada waktu ini. Di samping itu, kos bagi mendapatkan pembantu rumah adalah tinggi.

Usaha-usaha Kerajaan untuk membantu mengurangkan kos asuhan anak-anak adalah seperti berikut :

1. **Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA Tempat Kerja Awam**

   Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013 memberi subsidi yuran pengasuhan TASKA sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada anggota perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan.

2. Subsidi Yuran Pengasuhan TASKA Institusi Swasta

Pada tahun 2014, Kerajaan telah meluluskan pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan sebanyak RM250 sebulan atau mengikut kadar sebenarnya yuran yang dikenakan oleh sesebuah TASKA. Kadar maksimum ialah bagi dua (2) orang anak dalam sesebuah keluarga. Syarat kelayakan ialah pendapatan isi rumah tidak melebihi RM900 perkapita sebulan. Jabatan Kebajikan Masyarakat telahpun meluluskan RM13.1 juta bagi 4,609 orang kanak-kanak.

3. Penubuhan TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam

Bagi membuka TASKA di tempat kerja sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 1989, iaitu Kebajikan Untuk Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam yang menghendaki kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan menubuhkan TASKA di tempat kerja.

4. Geran Penubuhan TASKA Tempat Kerja Sektor Awam

Buat masa ini Kerajaan telah memberi geran pelancaran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM200,000 untuk setiap kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

5. Bantuan Khas @ *'One Off'*

Kerajaan juga telah meluluskan pemberian Bantuan Khas atau *'one off'* iaitu RM100 sekaligus kepada seorang kanak-kanak yang berdaftar dengan TASKA institusi swasta. Tujuannya ialah untuk meringankan bebanan ibu bapa atau penjaga semasa membuat pendaftaran. Jabatan Kebajikan Masyarakat telahpun meluluskan RM1.06 juta bagi 10,618 orang kanak-kanak.

6. Subsidi Bagi Taska 1Malaysia

Peranan Kerajaan juga tidak terhenti di situ sahaja di dalam menjaga kebajikan anggota-anggota perkhidmatan awam. Bagi meringankan kos sara hidup yang dihadapi oleh anggota-anggota perkhidmatan awam terutama di dalam menghadapi masalah penjagaan anak-anak mereka semasa bekerja, Kerajaan telah menyalurkan RM2.8 juta bagi pemberian subsidi yuran pengasuhan kepada 44 buah TASKA 1 Malaysia di seluruh negara. Subsidi hanya diperuntukan bagi 30 orang kanak-kanak bagi setiap TASKA 1Malaysia. Kadar subsidi yuran pengasuhan adalah sebanyak RM180 sebulan. Subsidi ini terbuka kepada masyarakat atau anggota-anggota perkhidmatan

awam yang tinggal di luar bandar dengan pendapatan RM1,200 sebulan dan RM2,000 yang tinggal di bandar.

Secara kesimpulannya, Kerajaan amat perihatin di dalam membantu mengurangkan kos asuhan anak-anak terhadap anggota perkhidmatan awam. Ini dapat membantu mengurangkan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat pada waktu ini.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan setakat ini untuk merapatkan jurang kesenjangan pendapatan yang semakin melebar dan mencapai pendapatan per kapita GNI USD15,000 menjelang 2020 memandangkan kira-kira 30% daripada isi rumah masih berpendapatan kurang dari RM3000.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, Malaysia telah berjaya mengurangkan ketakseimbangan pendapatan. Ini dapat ditunjukkan melalui pengurangan indeks pekali Gini yang mengukur ketidakseimbangan pendapatan daripada 0.443 pada tahun 1999 kepada 0.441 pada tahun 2009 dan seterusnya 0.431 pada tahun 2012. Kejayaan Malaysia untuk mengurangkan ketakseimbangan pendapatan dan seterusnya mencapai status negara berpendapatan tinggi adalah berasaskan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk:

i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;

ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;

iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;

iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak

RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;

v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan

vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN :29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD**
		(LIPIS)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.11.2014**

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini individu dan syarikat perniagaan yang telah mendaftar bagi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan apakah tindakan bagi mereka yang ingkar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 125,216 syarikat telah mendaftar untuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

sehingga 5 November 2014. Jabatan Kastam juga telah mengambil langkah untuk memastikan perniagaan yang mencapai nilai ambang mendaftar seperti berikut:

1. Menghebahkan informasi berkaitan GST melalui media cetak dan media elektronik;
2. Mengeluarkan surat peringatan kepada bakal registran yang telah dikenal pasti melalui maklumat yang diperoleh bersumberkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
3. Meminta semua pemegang lesen cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada untuk berdaftar dengan sistem GST;
4. Mengadakan Hari Terbuka GST atau Hari Bertemu Pelanggan; dan
5. Memperbanyakkan program pendaftaran *in-situ* di setiap taklimat GST yang diadakan.

Bagi syarikat yang telah menepati syarat untuk berdaftar, pendaftaran hendaklah dilakukan sebelum 31 Disember 2014. Jika tidak, peniaga telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun

atau kedua-duanya.

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH]**
TARIKH	:	**10 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi kerja-kerja penyelenggaraan Klinik-Klinik 1 Malaysia (K1M) di seluruh negara. Berapakah jumlah Klinik 1 Malaysia yang sedang beroperasi mengikut negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 20 Oktober 2014, terdapat 273 buah Klinik 1Malaysia (K1M) di seluruh negara iaitu 4 di Perlis, 18 di Kedah, 17 di Pulau Pinang, 18 di Perak, 30 di Selangor, 23 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 16 di Negeri Sembilan, 17 di Melaka, 27 di Johor, 17 di Pahang, 11 di Terengganu, 16 di Kelantan, 27 di Sarawak, 31 di Sabah dan 1 di Labuan.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1000.00 sebulan bagi setiap K1M untuk penyelenggaraan.

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [SUBANG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kenapa Kementerian telah memberhentikan menerbitkan statistik-statistik berkenaan kes-kes rogol, keganasan rumah tangga dan serangan seksual terhadap kanak-kanak di dalam laman Kementerian sejak 2008 sehingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian telah memaparkan statistik berkenaan kes-kes rogol, keganasan rumah tangga dan serangan seksual terhadap kanak-kanak sehingga tahun 2008. Statistik ini bukan milik Kementerian tetapi telah diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bermula pada tahun 2009, statistik seumpama ini tidak lagi dipaparkan dalam laman web kementerian berikutan dasar PDRM bahawa statistik PDRM hanya dikeluarkan kepada pihak-pihak tertentu bagi tujuan penyelidikan dan akademik sahaja. Penyiaran statistik PDRM di tempat-tempat terbuka seperti laman web tanpa kebenaran PDRM adalah tidak dibenarkan sama sekali. Di samping itu, tiada mana-mana pihak atau individu boleh memberikan statistik yang dikeluarkan kepada pihak ketiga tanpa kebenaran pihak PDRM.

NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada akan melaksanakan gesaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) agar Jawatankuasa Tadbir Urus dan Integriti (JITU) bagi menangani gejala penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan (3P) ditempatkan di setiap Kementerian dan Jabatan dalam sektor perkhidmatan awam.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bersetuju dengan gesaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) agar Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) ditubuhkan di setiap Kementerian dan Jabatan dalam sektor perkhidmatan awam bagi menangani gejala penyelewengan, pemborosan dan penyalahgunaan (3P) ditempatkan. Ini berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2014 yang menggantikan Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2009.

Bagi memastikan JITU mampu memberi impak yang positif, penubuhannya merangkumi peringkat Kebangsaan sehingga peringkat Bahagian/Daerah. JITU peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam tadbir urus dan integriti manakala JITU peringkat Kementerian dipengerusikan oleh YB Menteri Kementerian masing-masing. JITU di peringkat negeri pula dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri manakala JITU di peringkat Bahagian/Daerah dipengerusikan oleh Residen/Pegawai Daerah.

Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2014 telah menetapkan Urus Setia JITU Peringkat Kementerian/Jabatan/Negeri/Residen/Bahagian/Daerah adalah Unit Integriti agensi berkenaan.

Bagi Kementerian/Jabatan/Negeri/Residen/Bahagian/Daerah yang tidak mempunyai Ketua Unit Integriti, maka pegawai yang dipertanggungjawabkan mengenai tadbir urus dan integriti akan menjalankan fungsi berkenaan. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti serta memantau pelaksanaan fungsi Unit Integriti agensi awam.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
KAWASAN	:	KLANG
TARIKH	:	10.11.2014 (ISNIN)
NO. SOALAN	:	33

YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pendirian Kerajaan dan senaraikan mengapa Kerajaan menyokong "Investor-State Dispute Settlement" di dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Mekanisme *Investor-State Dispute Settlement* (ISDS) merupakan antara peruntukan-peruntukan utama di dalam mana-mana perjanjian perdagangan bebas. Sebagai satu mekanisma yang membenarkan pelabur merujuk kes masing-masing ke timbang tara antarabangsa selain daripada mahkamah tempatan, ianya memberikan pelabur hak dan jaminan bahawa pelaburan mereka dilindungi. Sepertimana yang pernah saya bangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, ISDS bukan merupakan sesuatu perkara yang baru di dalam FTA. Malaysia sebelum ini telah pun menandatangani 74 perjanjian perlindungan pelaburan yang mengandungi peruntukan yang sama seperti ISDS. Perlu diingat bahawa, mekanisme ISDS memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Ini kerana

dengan adanya perlindungan pelaburan, modal yang disalurkan pelabur adalah terjamin dan tidak terjejas sekiranya pelaburan mereka dibatalkan atau ditamatkan.

Peruntukan ISDS bukan hanya memberi manfaat kepada syarikat ataupun pelabur asing, tetapi juga memberi manfaat kepada syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di negara-negara TPPA, kerana ia memberi perlindungan ke atas pelaburan mereka di negara-negara TPPA yang lain. Sehingga kini, dua syarikat Malaysia yang melabur di luar negara telah berjaya menggunakan peruntukan ISDS bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Kerajaan sentiasa meletakkan ruang membuat dasar sebagai salah satu perkara yang paling sensitif bagi Malaysia dan ianya merupakan salah satu pendirian tegas dalam kesemua rundingan ISDS. Kerajaan sentiasa menentukan peruntukan yang dirundingkan mempunyai tahap perlindungan *(safeguard)* yang bersesuaian untuk memastikan bidang-bidang kawal selia tidak terjejas serta tidak menghalang hak Kerajaan untuk menggunakan, mengekalkan, menguatkuasakan atau mengambil langkah domestik yang perlu dalam melindungi kepentingan negara.

Kerajaan yang mengambil maklum akan cabaran dan risiko dalam meneroka pasaran global luar dari negara kita. Sewajarnya, kerajaan perlu memberikan sokongan dan menghargai semangat keusahawanan yang tinggi yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat tempatan yang bekerja kuat, mengeluarkan modal yang besar dan melaburkan masa untuk bersaing di arena global. Peruntukan ISDS merupakan salah satu daripada elemen yang perlu ada agar lebih banyak syarikat-syarikat tempatan yang berkaliber berani menapak di pasaran asing.

NO SOALAN :34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI** **(KUALA NERUS)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.11.2014**

Y.B. UST. DATO'. DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perbandingan harga tanah (nilai satu kaki persegi) di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Seremban, Ipoh, Kuantan dan Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga Jun 2041.

JAWAPAN

Berdasarkan rekod dan kajian nilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), kadar sekaki persegi nilai tanah perdagangan (kegunaan tertinggi dan terbaik) yang berkeluasan 1 ekar –

2 ekar di bandar-bandar yang dinyatakan adalah dalam lingkungan seperti berikut :

BANDAR	**TAHUN/(RM skp)**				
	2010	**2011**	**2012**	**2013**	**2014**
Kuala Lumpur	RM2,000	RM2,100	RM2,200	RM2,600	RM3,300
Johor Bahru	RM325	RM375	RM420	RM465	RM930
Seremban	RM80	RM85	RM90	RM110	RM140
Ipoh	RM105	RM115	RM125	RM145	RM165
Kuantan	RM90	RM120	RM140	RM160	RM185
Pulau Pinang	RM400	RM500	RM700	RM900	RM1,200

NO SOALAN : 35

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)**
TARIKH	**:**	**10.11.2014 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kenapa keputusan menganalisis darah sangat lewat tetapi tidak mahu menggunakan khidmat *"PATHLAB GURIBBLES"* untuk mendapat keputusan cepat dan memberikan keselesaan doktor pakar memberi rawatan yang sempurna manakala keputusan analisis dari Hospital Tengku Mizan pula kerap berlaku kelewatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT) telah mengadakan perkhidmatan makmal berpusat di Hospital AT Tuanku Mizan (*centralized lab services*) bagi pencapaian (*accessibility*) kesemua unit memandangkan pada masa ini hanya terdapat 2 orang Pakar Patologi di dalam PKAT.

Kementerian Pertahanan telah membelanjakan sejumlah peruntukan untuk membangunkan perkhidmatan makmal untuk keseluruhan PKAT. Kementerian Pertahanan akan memaksimakan penggunaan perkhidmatan tersebut walaupun terdapat sebilangan kecil kes yang mana keputusan diterima lewat akibat masalah teknikal seperti perkhidmatan penghantaran dan sebagainya. Proses peningkatan dan penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan dibuat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan PKAT.

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa projek "solar farm" berjumlah 50MW telah diberikan kepada 1MDB melalui "direct negotiation" memandangkan terdapat banyak lagi syarikat Malaysia yang mempunyai "track record" yang lebih baik berbanding dengan 1MDB dalam membina dan menguruskan "solar farm".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek loji janakuasa solar 50MW yang diberikan kepada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melalui rundingan terus merupakan sebuah projek perintis yang akan menjadi kayu pengukur bagi menilai keberkesanan pembinaan loji janakuasa solar berkapasiti besar. Bagaimanapun pemberian secara rundingan terus ini perlu juga menepati peraturan-peraturan sedia ada dimana kepentingan kerajaan di lindungi berdasarkan beberapa syarat yang ditetapkan. Tetapi apa yang penting ialah keberkesanan projek perintis ini akan menjadi titik tolak yang akan membuka peluang kepada syarikat – syarikat penjanaan solar lain untuk bersaing di dalam proses tender terbuka yang akan dilaksanakan kelak.

****

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU]**
TARIKH	:	**10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)**
SOALAN	:	**37**

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kementerian akan mengeluarkan manifest kargo MH370. Mengapa info manifests ini belum dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua manifest kargo MH370 telah dikeluarkan pada 1 Mei 2014. Maklumat terperinci manifest kargo ini boleh didapati di internet.

SOALAN NO.: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah strategi jangka pendek, pertengahan dan panjang Kerajaan Persekutuan untuk menangani kejatuhan harga komoditi komersil terutama getah dan kelapa sawit serta kesan ekonomi ke atas pekebun kecil, peneroka skim-skim pertanian dan masyarakat luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi utama negara seperti getah dan sawit bergantung kepada permintaan dan penawaran antarabangsa. Selain itu, ianya juga bergantung kepada pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Pakistan dan India.

Dalam kes sawit, hampir 40% daripada tanaman adalah diusahakan oleh para pekebun kecil di luar bandar. Sebagai langkah serta merta bagi membantu meningkatkan eksport, Kerajaan telah pun memberi pengecualian duti eksport ke atas minyak sawit mentah bagi tempoh September hingga Disember 2014. Selain itu, langkah-langkah berterusan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan adalah:

i. Meningkatkan kadar adunan di bawah Program Biobahan Api dari B5 (adunan 5% biobahan api sawit dengan 95% diesel petroleum) ke B7 (adunan 7% biobahan api sawit dengan 93% diesel petroleum) mulai Januari 2015. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan minyak sawit mentah dalam negara sehingga 500 ribu tan setahun;

ii. Menyediakan insentif tanaman semula kepada para pekebun kecil bagi menanam semula kawasan-kawasan yang tidak produktif dan mengurangkan penawaran minyak sawit dalam negara;

iii. Meningkatkan usaha-usaha promosi produk-produk sawit di pasaran-pasaran sedia ada dan pasaran-pasaran baru; dan

iv. Memperkukuhkan aktiviti-aktiviti R&D bagi mempelbagaikan produk-produk baru berasaskan sawit.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam kes industri getah, hampir 95% daripada pengusaha adalah pekebun kecil dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi membantu golongan ini termasuk:

i. Pemberian *one-off* sebanyak RM500 kepada setiap pekebun kecil yang telah diberikan pada tahun 2013 dan 2014;

ii. Menyediakan insentif tanaman semula terutamanya kepada pekebun kecil bertujuan mengurangkan bekalan dan meningkatkan produktiviti dalam jangka masa yang panjang;

iii. Melaksanakan mekanisma penetapan harga di ladang melalui penetapan diskaun antara harga FOB dan harga diterima oleh pekebun kecil. Mekanisma ini akan dilaksanakan mulai bulan November 2014 yang mana koperasi pekebun kecil akan membeli getah daripada pekebun kecil pada harga yang ditetapkan dan menjualnya terus kepada pengilang. Dengan berbuat demikian rantai pemasaran antara pekebun kecil dan pengiiang akan dipendekkan. Dengan itu, harga di ladang yang diterima oleh pekebun kecil akan dapat dipertingkatkan; dan

iv. Kerajaan juga akan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah mulai tahun 2015. Bagi melaksanakan insentif ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana awal sebanyak RM100 juta bagi membiayai insentif ini. Dalam hal ini, apabila harga SMR 20 FOB menurun ke paras RM4.60 sekilogram dan ke bawah, Kerajaan akan menyediakan insentif pengeluaran sebanyak RM0.30 sekilogram bagi *cuplumps* dan maksimum RM0.90 sekilogram lateks berdasarkan kepada kandungan getah kering.

Selain itu, di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mencadangkan mesyuarat peringkat Menteri di kalangan negara-negara *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) pada suku tahun pertama 2015. Ini adalah bertujuan membincangkan dasar mengimbangi penawaran dan permintaan di mana negara-negara ANRPC menyumbang hampir 93% pengeluaran getah asli dunia.

Di samping itu juga, *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* akan bermesyuarat pada 22 November 2014. Ahli-ahli ITRC terdiri daripada Malaysia, Indonesia, dan Thailand. Ketiga-tiga negara ini kini menghasilkan hampir 64% pengeluaran dunia. Matlamat mesyuarat ini adalah untuk menentukan langkah yang harus diambil oleh ketiga-tiga negara untuk membendung penurunan harga getah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 39

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) memandangkan Pelabuhan Darat di Segamat mempunyai potensi untuk dinaiktarafkan menjadi pusat pelaburan dan 'one stop centre' terminal pengangkutan adakah Kementerian bercadang membangunkan Pelabuhan Darat Segamat sebagai Terminal Utama Kereta Api di Segamat menggantikan stesen kecil sedia ada seiring dengan perlaksanaan laluan berkembar; dan

(b) apakah Kementerian melalui PKFZ ada mempertimbangkan kaedah terbaik bagi memanfaatkan kemudahan yang telah tersedia wujud di pelabuhan darat Segamat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelabuhan Darat di Segamat akan dinaiktarafkan sebagai Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat atas usaha sama syarikat swasta. Terminal Bersepadu Pelabuhan Segamat dijangka akan berperanan sebagai pelabuhan darat dan pusat sehenti bagi aktiviti pemunggahan, pengendalian, penyimpanan dan pengedaran kargo. Terminal ini dijangka akan memantapkan lagi perkhidmatan pengangkutan dan rantaian logistik di negeri Johor.

b) Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pelabuhan Darat Segamat telah dibangunkan oleh syarikat Segamat Inland Port Sdn. Bhd. (SIPSB). Pelabuhan Darat Segamat yang dibina adalah bertujuan untuk mewujudkan pusat konsolidasi kargo dan kontena untuk dihalakan terus ke Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Johor melalui rel untuk tujuan eksport tanpa dikonsolidasikan sekali lagi di PKFZ.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]**
TARIKH	:	**10 NOVEMBER 2014, ISNIN**
SOALAN	:	**40**

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan apakah langkah Kementerian bagi menaikkan taraf peniaga Bumiputera yang dihimpit oleh masalah modal bagi meningkatkan modal perniagaan mereka kerana bank-bank perdagangan tidak begitu membantu sedangkan kaum-kaum lain senang mendapat modal untuk menjalankan perniagaan mereka secara 'consignment'. Adakah Kementerian mempunyai idea antaranya membantu mewujudkan perniagaan secara 'consignment' selain daripada bantuan modal seperti TEKUN.

JAWAPAN :

Yang Di-Pertua,

Bagi menaikkan taraf peniaga Bumiputera yang dihimpit oleh masalah modal, MARA telah menyediakan skim pembiayaan untuk usahawan meningkatkan modal perniagaan antaranya seperti berikut :

i. **Skim Pembiayaan untuk Belia/Generasi Muda (PUTRA) –** Program ini ialah inisiatif MARA bagi melahirkan usahawan kecil dinamik dari golongan belia/generasi muda yang ingin memulakan perniagaan. Kemudahan PUTRA adalah untuk membiayai modal pusingan, belian stok dan peralatan.

ii. **Program Pembentukan Usahawan Teknikal (PUTEK)** khusus untuk usahawan teknikal dengan menyediakan kemudahan latihan seperti kursus pembentukan usahawan, pengurusan perniagaan, peningkatan kemahiran dan asas teknikal yang sesuai dengan bidang perniagaan masing-masing, kemudahan sewaan peralatan dan mesin serta skim pembiayaan bagi yang layak.

iii. **Skim Pembiayaan Mudah Jaya (SPiM)** adalah kemudahan pembiayaan bagi membantu usahawan Bumiputera mengembangkan perniagaan sedia ada dalam sektor perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan.

iv. **Skim Pembiayaan Kontrak Ekspress (SPiKE)** ditawarkan kepada usahawan Bumiputera dalam bidang kontrak dengan mudah dan cepat bagi membantu menambah bilangan kontraktor Bumiputera berwibawa. Skim ini terbuka kepada kontraktor dalam bidang binaan kelas F,E,D dan C, bekalan, perkhidmatan dan elektrik.

v. **Skim Jaminan Usahawan MARA (SJUM)** merupakan kemudahan pembiayaan bagi menjayakan program usahawan Groom Big MARA. Melalui skim ini, MARA bertindak sebagai penjamin ke atas kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh bank komersil seperti Bank Muamalat dan Bank Rakyat kepada usahawan Bumiputera yang terpilih.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]**
TARIKH	:	**10.11.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN	:	**41**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apa yang sudah terjadi dengan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di 9 buah rumah panjang yang dijanjikan oleh Menteri sendiri yang akan bermula pada bulan April 2014. Tetapi sehingga ke hari ini, projek tersebut belum lagi bermula. Rumah-rumah panjang yang terlibat adalah seperti Rh. Atit, Rh. Minggat, Rh. Lampas Titok, Rh. Antau, Nanga Bunuk, Rh. Isau Gelong, Rh. Tayang, Rh Unchat Nibong dan Rh. Egar Bukit Tungku.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di 9 buah rumah panjang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat hanya dapat dimulakan pelaksanaannya pada bulan Oktober 2014. Walaupun persetujuan daripada SALCRA diterima pada 30 April 2013, proses koordinasi untuk pembayaran pampasan dan pemotongan pokok kelapa sawit yang terlibat mengambil masa untuk diselesaikan.

Kerja-kerja pemasangan talian elektrik di Rh. Isau Gelong dan Rh. Egar Bukit Tungku telah dimulakan pada 22 September 2014 dan dijangka akan dapat disiapkan pada 30 Januari 2015. Bagi penyambungan bekalan elektrik ke Rh. Atit, Rh. Minggat, Rh. Lampas Titok, Rh. Antau, Nanga Bunuk, Rh. Tayang dan Rh Unchat Nibong, kerja-kerja pemasangan talian elektrik akan dimulakan pada 17 November 2014 dan akan disiapkan sepenuhnya sebelum 1 Mac 2015.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Lisan**
DARIPADA	:	**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]**
TARIKH	:	**10 November 2014 (Isnin)**
SOALAN	:	**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis-jenis dan bahaya racun yang terkandung dalam sayur-sayuran yang dibawa masuk dari Thailand. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan rakyat mendapat sayur-sayuran yang bebas racun.

JAWAPAN :

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perkhimatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) hanya melaksanakan pengambilan sampel secara rawak bagi setiap '*consignment*' bertujuan untuk kawalan perosak. Setakat Jun 2014, sampel yang telah diambil adalah sebanyak 1079 dan 273 didapati tidak mematuhi kawalan perosak.

Manakala, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab untuk memastikan makanan adalah selamat melalui penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Bagi memastikan sayur-sayuran import tidak mengandungi residu racun perosak melebihi paras yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan selamat untuk dimakan, KKM menjalankan pemantauan secara berterusan ke atas sayur-sayuran import termasuk sayur-sayuran dari Thailand. Hasil pemantauan residu racun perosak ke atas sayur-sayuran yang diimport dari Thailand bermula bulan Januari 2010 sehingga sekarang mendapati sebanyak empat pelanggaran dikesan. Residu racun perosak yang dikesan adalah metamidofos, protiofos dan parathion-ethyl [dua (2) pelanggaran].

Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas pengimport terlibat bagi memastikan sayur-sayuran yang mengandungi residu racun perosak melebihi paras yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 tidak diimport.

Kerajaan memberi jaminan bahawa sayur-sayuran yang diimport ke negara ini sentiasa dipantau dan dipastikan keselamatannya selaras dengan peruntukan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

TARIKH : 10.11.2014 (ISNIN)

TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memerangi kegiatan penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi di negara ini memandangkan Kerajaan terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM1.2 billion akibat sindiket penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah mengambil pelbagai tindakan dalam menangani penyelewengan bahan petroleum bersubsidi. Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan keberkesanan dalam tindakan pencegahan, KPDNKK telah melaksanakan satu pelan khas yang menyeluruh di bawah **OPS TITIK** berkuatkuasa 15 Mei 2014 melalui dua pendekatan utama seperti iaitu:

a) **Pendekatan Dasar Dan Pentadbiran**

i) Mewartakan petrol RON 95 dan diesel sebagai barang larangan eksport di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011;

ii) Kawalan secara pelesenan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974;

iii) Mengenakan syarat larangan penjualan ke dalam tangki tambahan, melarang penjualan melebihi 20 liter bagi kenderaan asing dalam lingkungan 50km dari sempadan negara dan menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam radius 10km dari kawasan sempadan sehingga jam 10.00 malam sahaja;

iv) Menetapkan had penjualan diesel tidak melebihi 250 liter bagi setiap transaksi;

v) Membatalkan kebenaran di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 (PDA) bagi aktiviti *bunkering* dan lesen

borong di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 (CSA) yang beroperasi di jeti-jeti persendirian;

vi) Membekukan dengan serta merta pengeluaran baharu kebenaran PDA serta lesen borong dan runcit petrol/diesel sehingga kajian menyeluruh untuk memperketatkan kawalan ketirisan selesai dibuat;

vii) Menggantung atau membatalkan kebenaran PDA dan lesen CSA mana-mana syarikat yang didapati terlibat atau disabitkan kesalahan oleh mahkamah dalam jenayah penyelewengan dan penyeludupan;

viii) Menghadkan kuota jualan diesel dan petrol di stesen-stesen minyak dalam radius 25km dari sempadan negara tidak melebihi 600,000 liter sebulan;

ix) Mengambil alih kawalan kuota diesel di semua stesen minyak dari syarikat-syarikat minyak; dan

x) Memperketatkan syarat permohonan kebenaran PDA dengan mengambil kira elemen intergriti dan memendekkan tempoh sah laku dari lima tahun ke dua tahun bagi mewujudkan kawalan yang lebih efektif.

b) <u>Pendekatan Penguatkuasaan</u>

i) Menggempur semua *hotspot* penyelewengan bahan petroleum bersubsidi secara berterusan di seluruh negara dan mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan semua undang-undang lain yang berkaitan;

ii) Merampas semua peralatan yang digunakan dalam perlakuan jenayah seperti kapal dan lori bagi mencegah kegiatan jenayah daripada berulang;

iii) Merampas dan membekukan akaun serta aset penjenayah yang diperolehi dari sumber haram kegiatan penyelewengan dan penyeludupan bahan petroleum bersubsidi dan mendakwa penjenayah di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2011;

iv) Semua kes bersabit penyelewengan dan penyeludupan bahan petroleum bersubsidi dihadapkan ke mahkamah (tanpa memberi tawaran kompaun) bagi mendapatkan hukuman yang lebih berat; dan

v) Melaksanakan pengauditan ke atas pemborong bahan petroleum bersubsidi dan mengambil tindakan undang-undang jika didapati terlibat dalam jenayah penyelewengan.

NO SOALAN :44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH**
		(SETIU)
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.11.2014**

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membolehkan setiap pencarum KWSP untuk didaftarkan secara automatik di Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi memudahkan proses Pendaftaran Pembayar Cukai dilakukan.

JAWAPAN

Buat masa ini, KWSP tiada perancangan untuk mendaftarkan setiap pencarum KWSP secara automatik di Lembaga Hasil Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, KWSP bersedia bekerjasama dengan Lembaga Hasil

Dalam Negeri (LHDNM) sekiranya Kerajaan mewajibkan semua pekerja membayar cukai.

Pendaftaran fail cukai pendapatan individu oleh LHDNM adalah melalui tiga kaedah:

1. Pendaftaran secara manual atas permohonan pembayar cukai sendiri di kaunter LHDNM; atau
2. Pendaftaran secara dalam talian melalui e-Daftar di Laman Sesawang LHDNM; atau
3. Pendaftaran berdasarkan maklumat dari majikan dan maklumat pihak ketiga.

Cadangan pendaftaran automatik fail cukai pendapatan bagi pencarum KWSP tidak dapat dilakukan kerana bukan semua pencarum KWSP layak dikenakan cukai. Namun demikian, setiap pekerja yang layak dikenakan cukai wajib dilaporkan oleh majikan untuk didaftarkan fail cukai pendapatan seperti kaedah 3 di atas.

NO SOALAN :45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID** **(KOTA TINGGI)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**10.11.2014**

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah sehingga kini syarikat yang telah berdaftar untuk melaksanakan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 5 November 2014, sebanyak 125,216 syarikat telah berdaftar untuk melaksanakan GST.

NO SOALAN :46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **10.11.2014**

Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengesyorkan kepada Kerajaan untuk mengharamkan kemasukan rokok dan arak ke Port Klang Free Zone (PKFZ). Ini memandangkan ia tidak mendatangkan apa-apa keuntungan kepada Kerajaan sebaliknya hanya menjadi tempat persinggahan bagi kegiatan penyeludupan kedua-dua barangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengharaman kemasukan rokok dan arak ke Port Klang Free Zone (PKFZ) sahaja dijangka tidak dapat mengurangkan penyeludupan memandangkan masih terdapat Zon-zon Bebas lain yang telah ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan industri berorientasikan eksport. Sehubungan itu, usaha yang lebih menyeluruh perlu dilakukan bagi mengekang kes-kes penyeludupan.

Sehubungan itu, satu kajian telah diadakan bagi mengkaji kesan peruntukan perundangan sedia ada yang mengecualikan dagangan kritikal seperti rokok , arak dan beer dari duti import, duti eksais dan cukai jualan dalam Zon Bebas Cukai.

Antara hasil kajian tersebut adalah cadangan untuk memasukkan dagangan kritikal seperti rokok, arak dan beer ke dalam senarai Exclusion List bagi membolehkan duti import, duti eksais dan cukai jualan dikutip semasa dagangan tersebut dibawa masuk ke dalam zon bebas cukai. Perkara ini dilihat dapat membantu mengetatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap zon bebas cukai, dan secara langsung

mengurangkan aktiviti penyeludupan dagangan tersebut dan cadangan ini akan disyorkan kepada pihak Kerajaan.

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7340

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah warga Malaysia telah terlibat dalam perang saudara di Syria dan berapa pula mereka yang terlibat dalam perjuangan militan ISIS/ISIL. Adakah mereka ditahan setelah pulang ke Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Merujuk kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat Jelutong, dua (2) kumpulan yang dimaksudkan iaitu mereka yang terlibat dengan perang saudara di Syria dan mereka yang terlibat dalam perjuangan militan ISIS/ISIL adalah merujuk kepada kumpulan yang sama. Oleh yang demikian, setakat ini pihak polis telah mengesan seramai 39 orang rakyat Malaysia melibatkan diri dalam peperangan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak polis masih lagi menjalankan siasatan berhubung penglibatan mereka di dalam kegiatan militan tersebut. Saya juga memberi jaminan bahawa tidak ada mana-mana individu yang akan terlepas daripada tindakan undang-undang apabila mereka pulang sekiranya siasatan membuktikan mereka terlibat dengan mana-mana kegiatan yang berunsur militan.

Kerajaan memberi jaminan bahawa undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu militan ini. Antaranya adalah seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA), Kanun Keseksaan dan Akta Pertubuhan 1966.